



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

MIRYIAANEFNIKA MARAMBAL

31001

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan seni)  
2014

**PERUBAHAN AKSESORI DAN MOTIF PAKAIAN TRADISIONAL MASYARAKAT  
RUNGUS.**

**MIRYIAANEFNIKA MARAMBAL**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian  
(Program Pengurusan Seni)**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....**14**.....day of.....**june**.....2014.

**Student's Declaration:**

I ..... **MIRYIAANEFNIKA MARAMBAL, 31001, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS** .....  
- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the  
work entitled ..... **PERUBAHAN AKSESORI DAN MOTIF PAKAIAN TRADISIONAL MASYARAKAT RUNGUS** .....  
..... is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other  
sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any  
part been written for me by another person.

\_\_\_\_\_  
Date submitted

..... **MIRYIAANEFNIKA MARAMBAL (31001)** .....  
Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I ..... **DR NORIA ANAK TUGANG** ..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that  
the work entitled ..... **PERUBAHAN AKSESORI DAN MOTIF PAKAIAN TRADISIONAL MASYARAKAT RUNGUS** .....  
..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to  
the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of ..... **BACHELOR OF APPLIED** .....  
..... **ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)** ..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE),  
and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: ..... **DR NORIA AK TUGANG** ..... Date: \_\_\_\_\_  
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
(2014)

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
(2014)

Current Address:  
Kuching, Sarawak

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## **PENGESAHAN**

Projek yang bertajuk '**PERUBAHAN AKSESORI DAN MOTIF PAKAIAN TRADISIONAL MASYARAKAT RUNGUS**' telah disediakan oleh **MIRYIAANEFNIKA MARAMBAL** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh;

---

(Dr. Noria Ak Tugang)

Tarikh:

---

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Projek Tahun Akhir (PTA) yang bertajuk **‘PERUBAHAN AKSESORI DAN MOTIF PAKAIAN TRADISIONAL MASYARAKAT RUNGUS’** adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ada sesetengah maklumat yang telah saya petik dalam buku rujukan mahupun petikan maklumat dan sumber lain seperti internet. Saya telah mengolah maklumat tersebut dan saya juga telah nyatakan sumbernya.

Yang Benar,

.....  
MIRYIAANEFNIKA MARAMBAL

31001

Program Pengurusan Seni

## PENGHARGAAN

Telebih dahulu, syukur saya ucapakan kepada Tuhan, kerana kasih dan berkat yang Dia berikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini menyebabkan saya dapat menyiapkan kajian ini seterusnya menyediakan laporan kajian.

Dengan kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Noria anak Tugang, selaku ketua jabatan program pengurusan seni merangkap pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif atas usaha Dr. untuk memberi galakan kepada saya dalam menjalankan kajian masyarakat Rungus.

Tidak dilupakan kepada ibu dan bapa saya sendiri, iaitu Pn.Elvianah@ Elis Binti Lumandok dan En.Marambal bin Okunsai yang tidak putus-putus membantu saya menjalankan kajian dengan menyediakan kenderaan di lokasi kajian disamping memberikan bantuan kewangan kepada saya dan turut menjadi penterjemah kepada saya semasa sesi menemuramah setiap informal. Kasih sayang yang diberi berserta sokongan, kepada saya kerana sudi menjadi salah seorang informal dan sanggup menjadi seorang model pemakaian penuh pakaian tradisional Rungus semasa diperlukan. Hanya ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan yang dapat saya berikan untuk membalas jasa kedua ibu bapa saya pada ketika ini.

Saterusnya tidak dilupakan kepada rakan-rakan sekelas dibawa selian Dr. Noria kerana sanggup menjawab setiap persoalan yang saya kemukakan kepada mereka. Kepada Al-Nazarul, Tony, Evy King dan Nor Azma kerana sudi membantu saya apabila mengalami kebuntuan dalam menyediakan laporan ini.

Kepada penduduk Kampung Toporoi, Kampung Tinangol, Kampung Tuboh serta Kampung Buanog yang sudi menjadi informal, hanya ucapan terima kasih yang dapat saya berikan untuk membalas jasa baik anda semua untuk menjawab setiap persoalan yang saya kemukakan dan sanggup memberikan masa kepada saya untuk melihat serta menemurama semasa melakukan aktiviti meneneun. Saterusnya kepada Pn. Narmi binti Mabok dan En. Filter bin Sopilin yang memberikan saya maklumat tambahan serta membenarkan saya menggunakan gambar *tapi kinoriki* dalam laporan ini.

Begitu juga dengan sahabat-sahabat Head Hunter yang membantu saya menjalankan kajian dengan memberikan bantuan menghantar ke Lapangan Terbang Kuching untuk menjalankan kajian saya di Sabah.

Sekian terima kasih dan Tuhan memberkati.

Miryiaaneffnika Marambal,

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.



## **ABSTRAK**

Pakaian tradisional, masyarakat Rungus mengalami perubahan yang ketara pada masa kini dan menyebabkan perubahan drastik terhadap pembuatan pakaian tradisi tersebut. Oleh itu, kajian ini memberi penekanan kepada aspek perubahan aksesori dan motif pakaian tradisional masyarakat Rungus di Sabah. Selain itu, kajian ini meneliti keaslian aksesori dan motif pakaian tradisi ini. Kajian ini juga turut mengupas faktor perubahan aksesori dan motif pakaian tersebut. Berdasarkan dapatan kajian, maklumat ini memberi sumbangan kepada masyarakat Rungus untuk mempelajari dan mendalami maksud motif tradisional dan seterusnya berusaha untuk mengekalkan keaslian pakaian tersebut.

## **ABSTRACT**

Traditional clothing, of Rungus community experienced a significant change and cause drastic changes to the traditional garment manufacturing. Therefore, these studies emphasize the change of accessories and motifs of traditional clothing of Rungus community in Sabah. In addition, this study examines the authenticity of accessories and motifs of this traditional costume. This research also explores factors change the accessories and clothing motif. This information contributes to the Rungus community to learn and explore the meaning of traditional motifs and work to maintain the authenticity of the article.

<b>Isikandungan</b>	<b>muka surat</b>
<b>Borang Pengesahan Status Tesis / Laporan</b>	<b>ii-iii</b>
<b>Pengesahan</b>	<b>iv</b>
<b>Pengakuan</b>	<b>v</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>vi-vii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	
<b>Abstrak Bahasa Melayu</b>	<b>viii</b>
<b>Abstract Bahasa Inggeris</b>	<b>x</b>
<b>Bab 1 Pendahuluan</b>	
1.1 Pengenalan	1 - 3
1.2 Latar Belakang Kajian	3 - 5
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Hipotesis Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Lokasi Kajian	8
1.8 Limitasi Kajian	8
1.9 Skop Kajian	9

## **Bab 2 Sorotan Kesusasteraan**

2.1 Pengenalan	10
2.2 Maklumat Rujukan	11
2.3 Rumusan	16

## **Bab 3 Metodologi Kajian**

3.1 Pengenalan	17
3.2 Sumber Data	18
3.3 Data Sekunder	19
3.4 Data Primer	19
3.3 Populasi Kajian	20
3.5 Persempelan	21
3.4 Instrumen Kajian	22
3.5 Rumusan	23

## **Bab 4 Analisa Dan Dapatan Kajian**

4.1 Pengenalan	24
4.2 Pemerhatian	25-38
4.3 Temuramah	38
4.4 Analisa Temu ramah informal	39 - 78
4.5 Dapatan Kajian	80-83
4.6 Rumusan	84

## **Bab 5 Kesimpulan dan Cadangan**

5.1 Kesimpulan	85 - 87
5.3 Cadangan	88
5.4 Cadangan kepada pengkaji akan datang	90

<b>Glosari</b>	<b>93 -95</b>
<b>Senarai rujukan</b>	<b>96 - 98</b>
<b>Lampiran</b>	
Lampiran 1 ( Senarai Informal )	99
Lampiran 2	100
Lampiran 3	101
Lampiran 4 ( Soalan Temuramah)	102
Lampiran 5 ( Gambar)	103
Lampiran 6	104
Lampiran 7	105
Lampiran 8	106
Lampiran 9	107
Lampiran 10	108
Lampiran 11	109
Lampiran 12	110

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Menurut Bobbie Kalman dalam bukunya yang bertajuk; *Apa Itu Budaya* (2009) menjelaskan budaya merupakan cara hidup manusia yang memperlihatkan pakaian; makanan; bahasa yang digunakan; sejarah yang diberitahu dan cara manusia menyambut setiap perayaan. Kesemua cara ini diperlihatkan melalui seni; musik dan penulisan. Tambahan beliau lagi budaya merupakan akar utama asal setiap nenek moyang, yang mana ia menceritakan kepercayaan dan apa yang menunjukkan perbezaan budaya dari masyarakat yang lain.

Selain itu, budaya turut menghasilkan produk budaya iaitu kebudayaan yang dilakukan dan dicipta oleh manusia. Namun demikian, budaya juga turut mengalami perubahan seiring dengan perkembangan zaman yang dimulai dengan kebudayaan tradisional; kebudayaan peralihan hingga kebudayaan moden. Perubahan budaya ini terjadi apabila terdapat unsur-unsur perbezaan dan menyebabkan

perubahan apabila keadaan yang tidak sesuai dengan fungsi kehidupannya. Pakaian tradisional kaum Rungus merupakan satu produk kebudayaan yang diwarisi. Pakaian ini merupakan satu intipati penting dalam sesebuah kebudayaan. Ini kerana, setiap kaum mempunyai pakaian tradisional yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Perbezaan setiap pakaian tersebut membawakan pengertian dan nilai estetika yang tersendiri. Melalui perbezaan ini, setiap kaum akan dapat mengenali kebudayaan kelompok etnik yang lain. Menurut Ambrose dan Paine (1993);

“..textile collection can be divided into two groups, flat and 3-Dimension..”.

(Ambrose & Paine 1993)

Melalui petikan tersebut, kajian yang dijalankan oleh pengkaji dapat dikaitkan dalam 2 dimensi yang berbeza dan membawakan maksud dan cara penggunaan. Ini kerana, bagi kaum Rungus ini, pakaian ini melambangkan status kekayaan dalam satu kelompok masyarakat. Hal ini demikian, penghasilan pakaian tradisional ini mempunyai kos yang tinggi serta hanya segelintir masyarakat yang mampu menghasilkan pakaian tradisional ini.

Rekaan pakaian tradisional Rungus ini sangat ringkas, hanya menggunakan warna hitam sebagai warna asas. Pakaian tradisional ini



terbahagi kepada 3 bahagian iaitu baju yang menutupi paras dada hingga ke pinggang yang diberi nama sebagai *banat tondu* berserta penutup bahu dan dilengkapi dengan sarung sehingga paras lutut diberi nama *tapi rinugading*.

Setiap corak tenunan pakaian tradisional rungus ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu Rinugading, tinongkupan dan sinombitan. Setiap corak ini pula memainkan peranana dalam penawaran harga kepada orang ramai. Ini kerana semakin sukar pembuatan corak tersebut semakin tinggi harga yang dikenakan.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Masyarakat Rungus merupakan salah satu kumpulan etnik yang mendiami kawasan Kudat, Kota Marudu, Pitas dan Kota Kinabalu. Masyarakat Rungus. Menurut Dr. Jacqueline Pugh (1987) , institut linguistik melaporkan bahawa Rungus termasuk dalam bahasa Austronesia keturunan Borneo. Semakin lama bahasa tersebut dikenali sebagai *momogun*, dusun dayak, *momogun* atau *memagun* tetapi kadang kala turut dipanggil sebagai *Rungus* atau *Rungas*.

Menurut lagenda yang diceritakan dari generasi ke generasi seterusnya Rungus ini dipercayai berbangsa *momogun Rungus* yang

berasal daripada tamadun *nunuk ragang*. Kedatangan *nunuk ragang* ini diasaskan oleh seorang lelaki yang dianya oleh saudara kandungnya sendiri disebabkan mempunyai pelbagai kemahiran seperti pakar dalam membuat pelbagai jenis senjata yang mampu membunuh binatang yang sering menyerang kawasan tempat tinggal mereka.

Masyarakat Rungus ini dikenali sehingga kini disebabkan oleh kepandaian mereka dalam menghasilkan kraftangan menggunakan manik, tembaga, seramik dan gong. Kepakaran tersebut yang membawakan kepada penghasilan pakaian tradisional yang sehingga kini masih dikekalkan dari segi pembuatan dengan menggunakan aktiviti tenunan tangan yang dipanggil sebagai *babaal*. Sementara itu, menenun ini dipanggil sebagai *mangavol* dimana masyarakat Rungus itu sendiri yang akan bermain dengan benang untuk membentuk satu motif menjadikan kepada sarong wanita yang masih digunakan sehingga kini oleh masyarakat Rungus.

Motif yang dihasilkan pada pakaian tradisional ini dan aksesori adalah berinspirasi mitos masyarakat Rungus. Mereka percaya dengan menggunakan motif binatang yang dibunuh oleh seorang lelaki boleh melindungi mereka daripada segala bahaya seperti serangan binatang yang mengakibatkan kemusnahan harta benda. Oleh itu masyarakat Rungus mengabadikan cerita kekuatan pemuda tersebut dengan menghasikan motif *tinongulun* (orang) pada permukaan

sulaman manik *pinakol* untuk memberikan mereka semangat keberanian dalam menghadapi pelbagai dugaan.

Bagaimanapun motif tersebut tidak lagi seperti motif-motif yang terdapat pada permukaan pakaian tradisional Rungus, malah mengalami perubahan dan perubahan ini yang menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian.

### **1.3 PERMASALAN KAJIAN.**

Pengkaji mendapati terdapat perubahan yang berlaku terhadap pakaian tradisional kaum rungus di Kudat, Sabah. Pakaian wanita rungus mengalami perubahan dari segi motif dan hiasan sehingga mengakibatkan keaslian pakaian tersebut semakin pudar. Dari segi penggunaan pula, pakaian tersebut digunakan pada musim perayaan seperti pesta menuai ( kamataan) dan pada majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan dan memberi penghormatan terakhir kepada si Mati. Antara masalah yang menjadi persoalan kepada pengkaji ialah ;

- a) Motif terhadap *Tapi* (sarong) pakaian mempunyai perbezaan yang ketara, walaupun berasal dari kategori yang sama.
- b) Penghasilan aksesori pakaian tradisional tidak lagi menggunakan kaedah tradisional.

- c) Apakah yang menyebabkan aksesori dan motif pada pakaian tradisional ini berubah.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

- a) Mengenalpasti pakaian tradisional Rungus;
- b) Mengkaji faktor yang mengakibatkan perubahan terhadap aksesori dan motif pakaian tradisional;
- c) Menganalisa kecenderungan perubahan pakaian tradisional pada masa kini.

#### **1.5 HIPOTESIS**

- a) Disebabkan oleh kekangan mendapatkan bahan-bahan asli penghasilan pakaian tradisional, telah mempengaruhi cara penghasilan pakaian tradisional ini.
- b) Peningkatan ilmu pengetahuan dalam penghasilan motif tenunan pakaian, telah melahirkan motif baru dalam tenunan pakaian tradisional kaum wanita Rungus.
- c) Mengambil masa yang lama untuk memakai aksesori dan pakaian tradisional ini mengakibatkan berlaku perubahan

yang ketara dalam penghasilan aksesori pakaian tradisional Rungus.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Berdasarkan pembacaan yang dilakukan oleh pengkaji, kajian ini belum pernah dilakukan oleh pengkaji lepas yang mana kajian lepas hanya menfokuskan kepada pemeliharaan pakaian tradisional. Sebaliknya kajian ini merangkumi penghasilan pakaian tradisional Rungus dan faktor yang menyebabkan perubahan penghasilan pakaian tradisional. Antara kepentingannya ialah;

- a) Pengkaji-pengkaji yang lain, akan menggunakan kajian pengkaji sebagai bahan rujukan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perubahan dan faktor yang mempengaruhi aksesori dan motif pakaian tradisional Rungus ini.
- b) Masyarakat tempatan dan masyarakat luar, akan mengetahui lebih lanjut mengenai warisan kaum Rungus di Sabah.

- c) Generasi masa kini akan dapat membuat perbandingan diantara pakaian tradisional yang asli mahupun yang telah diubah suai.

## **1.7 LOKASI KAJIAN**

Lokasi kajian ialah kawasan Kudat Sabah, kawasan ini dipilih disebabkan penduduk kaum rungus tinggal tetap di kawasan tersebut. Selain itu juga, penduduk yang menetap di kawasan tersebut masih giat menghasilkan pakaian tradisional dengan kaedah tradisi iaitu secara tenunan atau '*hovoron*'. Di samping itu, kawasan ini juga amat popular dalam pencarian pakaian tradisional yang masih mempunyai nilai-nilai keaslian. Pendek kata kawasan ini merupakan pusat penghasilan pakaian tradisional Rungus.

Pengkaji juga akan bertindak untuk membuat pemerhatian di kawasan kampung yang berdekatan dengan lokasi kajian untuk membuat perbandingan terhadap motif-motif yang dihasilkan.

## **1.8 LIMITASI KAJIAN.**

Sepanjang kajian ini dilakukan pengkaji akan menghadapi beberapa masalah antaranya ialah;

- a) Responden yang akan ditemu ramah lebih mahir berbahasa ibunda daripada bahasa Melayu.
- b) Kekangan masa.
- c) Tidak ramai penduduk yang akan memperlihatkan pakaian tersebut kecuali pada masa perayaan dan majlis-majlis yang akan berlansung.

## **1.9 SKOP KAJIAN**

Skop kajian pengkaji tertumpu kepada masyarakat Kaum Rungus, yang berada di kawasan kampung Tinangol Kudat dan kampung Toporoi, Kota Marudu Sabah. Ini kerana, kaum Rungus di kawasan tersebut masi bergiat aktif dalam pembuatan pakaian tradisional melalui kaedah tradisional. Tambahan pula, kampung Tinangol Kudat merupakan lokasi pelancongan yang terkenal di Daerah Kudat Sabah.

Ini akan memudahkan bagi pengkaji melihat dan memerhati cara kerja masyarakat Rungus dalam penghasilan pakaian tradisional dan aksesori pakaian.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KESUSATERAAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, membicarakan tentang kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian pengkaji untuk membuktikan perkara yang dikaji oleh pengkaji belum dikaji oleh pengkaji yang lepas. Selain itu, serotan kesusasteraan ini juga digunakan untuk membuat kerangka kerja kajian yang akan menjadi panduan dan bimbingan kajian ini. Terdapat beberapa buah buku dan tesis serta keratan akhbar yang telah dipilih untuk dijadikan sorotan kajian dalam kajian ini seperti mana yang terdapat dibawah ini.